



SIARAN MEDIA

KPKT MEMPERKENALKAN INDEKS KERAPUHAN PANTAI NEGARA (NCVI) SEBAGAI PANDUAN PERANCANGAN PERSISIRAN PANTAI YANG MAMPAN

SETIU, TERENGGANU, 14 JUN 2022 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan **Dokumen Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara-2 (RPP-2)** di Laman Seri Rhu Sepuluh, Setiu, Terengganu. Majlis Pelancaran dokumen ini bertujuan untuk **memaklumkan kepada pemegang taruh, jabatan/agensi berkepentingan serta masyarakat umum mengenai dokumen RPP-2 sebagai panduan perancangan pembangunan di zon persisiran pantai.**

Majlis turut dihadiri oleh YB Dr. Haji Alias bin Razak, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Terengganu, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Mulia Tengku Seri Bijaya Raja, Datuk Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT dan YBrs. TPr Dr. Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia.

Dokumen RPP-2 ini telah **diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 21 Oktober 2021 bagi menggantikan dokumen pertama yang telah disediakan pada tahun 2012. **'Kita, Komuniti dan Pantai'** merupakan tema bagi dokumen ini dalam menentukan kesesuaian perancangan ruang geografi di zon persisiran pantai bagi memacu pembangunan persisiran pantai yang stabil dan secara berterusan.

Fokus utama dokumen ini adalah menyediakan satu **pelan rancangan strategik guna tanah terhadap hala tuju penggunaan, pemuliharaan dan pengurusan alam**

semulajadi di sepanjang lebih 3,800 km persisiran pantai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan terhadap kemampuan spatial dan daya tahan perubahan iklim khususnya pelan perancangan dan pembangunan guna tanah persisiran pantai yang lebih menyeluruh.

Dokumen RPP-2 ini telah **mengambil kira ancaman geobencana seperti hakisan pantai, bencana tsunami, dan kenaikan paras air laut** yang memberi kesan kepada kawasan penempatan penduduk serta perbandaran di sepanjang persisiran pantai negara.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican berkata, "**Kawasan penempatan penduduk di persisiran pantai perlu dinilai** dari segi kerapuhan pantai bagi melihat tahap sensitiviti dan keterdedahan kepada geobencana yang tidak dijangka. Dokumen RPP-2 ini amat penting kerana buat pertama kalinya kita memperkenalkan satu indikator penting iaitu **Indeks Kerapuhan Persisiran Pantai Negara atau Coastal Vulnerability Indeks (NCVI).**"

Tambah beliau, penyediaan indeks ini menjadikan **Malaysia sebagai negara yang pertama menyediakan NCVI bagi keseluruhan kawasan persisiran pantai negara.** Pewujudan NCVI ini akan dapat memperkukuhkan lagi strategi meningkatkan daya tahan terhadap ancaman risiko bencana dan perubahan iklim (*climate change*) bagi memelihara eko-sistem dan biodiversiti di kawasan persisiran pantai, sekali gus menjadi asas kepada pengurusan persisiran pantai negara yang lebih mampan dan lestari.

NCVI merupakan satu kaedah bagi menilai tahap kerapuhan kawasan persisiran pantai serta bertindak sebagai '*alert system*' terhadap risiko yang wujud. Keputusan indeks tersebut akan membantu mengenal pasti jenis tindakan dan corak pembangunan yang sesuai dilaksanakan di kawasan persisiran pantai negara. Antara cadangan jenis tindakan bagi **projek fizikal** adalah seperti **program penanaman dan pemuliharaan hutan paya laut, menambah baik struktur pantai, kesiapsiagaan pusat pemindahan, menambah baik sistem saliran dan sebagainya.** Selain

itu, cadangan tindakan turut meliputi **pelaksanaan kajian, kawalan pembangunan, pewartaan, pemantauan dan penguatkuasaan** serta **program komuniti**.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican juga ingin membawa kepakaran yang dimiliki oleh pasukan PLANMalaysia ke peringkat serantau agar satu **Kerangka Perancangan Zon Pesisir Pantai Asean dapat dihasilkan**. Ini bagi membolehkan isu-isu berkaitan perubahan iklim yang turut menyentuh kemampuan negara-negara Asean dapat ditangani secara bersama di bawah semangat Keluarga Asean.

Penerbitan RPP-2 ini adalah selari dengan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) serta melengkapi Rancangan Fizikal Negara ke-4 (IRFN-4) dalam memacu pertumbuhan ekonomi, menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat serta memelihara alam sekitar secara menyeluruh dan berterusan. Ia juga perlu diperhalusi dan diangkat menjadi rujukan penting dalam soal pembangunan di sepanjang persisiran pantai seiring dengan agenda KPKT iaitu mewujudkan Malaysia Berdaya Huni atau *'Liveable Malaysia'*.

#PasukanKPKT
#BekerjaBersamaRakyat
#KeluargaMalaysia
#PantaiNegara

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

